

Headline **Karnival maklumat Islam**
Date **06 Jul 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **10**
Article Size **192 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,459**
PRValue **25,377**



ABDULLAH memberi penerangan mengenai Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Public Space NSTP, semalam.

Karnival maklumat Islam

KUALA LUMPUR: Generasi muda termasuk penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang ingin mendapatkan maklumat mengenai beberapa aspek dalam Islam secara dinamik dan komprehensif selain berhibur bersandarkan batasan agama, boleh mengunjungi Karnival Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia peringkat kebangsaan 2011 yang akan dianjurkan buat julung kalinya, tidak lama lagi.

Karnival tiga hari yang akan diadakan Pusat Daga-

ngan Dunia Putra (PWTC) itu menyediakan dua aktiviti utama iaitu pameran dan persidangan, dengan sasaran menarik 300,000 pengunjung, terutama generasi muda.

Pengarah karnival, Datuk Seri Abdullah Md Zin, berkata karnival itu bermatlamat untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai sistem transformasi pengurusan Islam sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini.

Katanya, ia merangkumi enam bidang utama iaitu sistem pentadbiran, pendidikan, perbankan dan kewangan Is-

lam, kehakiman, kebudayaan dan diplomasi serta hubungan antarabangsa.

“Kita mendapat kerjasama *Berita Harian*, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia serta Lembaga Tabung Haji bagi menjayakan program itu.

“Tarikh penganjuran karnival itu belum diputuskan dan tertakluk kepada pengumuman Perdana Menteri, tidak lama lagi,” katanya selepas mengadakan perbincangan bersama 50 wakil agensi yang terbabit dalam acara itu, di Balai Berita, di sini semalam.